

---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 1 TAHUN 2019**

---

**PANDUAN PERMOHONAN APEL (C) PINDAAN 2018  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
15 Januari 2019

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**15 JANUARI 2019**

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 1 TAHUN 2019**

### **PANDUAN PERMOHONAN APEL (C) PINDAAN 2018** **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-174 Bilangan 1/2019 yang bersidang pada 15 Januari 2019 telah bersetuju meluluskan Panduan Permohonan APEL (C) Pindaan 2018 Universiti Pendidikan Sultan Idris.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Senat UPSI pada 20 September 2017 telah memperakukan cadangan agar UPSI melaksanakan APEL (C) dan pada 27 November 2017, Mesyuarat Senat UPSI telah meluluskan pemakaian Panduan Permohonan APEL (C) UPSI. Hebahan mengenai panduan ini telah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Pengurusan Akademik Bilangan 8 Tahun 2017.
- 2.2 Pada 23 Oktober 2018, UPSI menerima makluman daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia berkaitan penilaian awal permohonan APEL (C) UPSI.
- 2.3 Bahagian Hal Ehwal Akademik telah menyediakan maklum balas untuk Bahagian A hingga C. Manakala Fakulti Pembangunan Manusia telah menyediakan maklum balas bagi Bahagian D melipatkan kajian rintis yang telah diterima pada 4 Disember 2018.
- 2.4 Dengan maklum balas daripada Panel Penilai APEL (C) MQA, UPSI perlu meminda beberapa klausa dalam Garis Panduan APEL (C) sedia ada.

### **3.0 KEPUTUSAN SENAT**

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

3.1.1 meluluskan Panduan APEL (C) Pindaan 2018 UPSI.

3.1.2 Panduan APEL (C) Pindaan 2018 UPSI akan berkuatkuasa selepas kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.

3.1.3 Panduan APEL (C) Pindaan 2018 UPSI adalah seperti LAMPIRAN A.

### **4.0 TARIKH KUASA KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Januari 2019.

Sekian, terima kasih.

**“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya Yang Menjalankan Amanah,

*Suhaila Sidek*

**(SUHAILA SIDEK)**

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik



## **LAMPIRAN A**

**Panduan Pelaksanaan APEL (C)**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris (Pindaan 2018)**

## **1.0 Latar Belakang**

- 1.1 APEL (C) adalah proses penilaian pembelajaran (tidak formal dan bukan formal) seseorang individu berdasarkan pengalaman terkumpul (pengetahuan dan kemahiran) terhadap hasil pembelajaran yang telah ditetapkan bagi sesuatu kursus dalam mana-mana program pengajian bagi tujuan menganugerahkan kredit. Penekanan harus diberi kepada konsep utama APEL(C) iaitu penilaian pembelajaran oleh seseorang individu dan bukannya penilaian pengalaman. Penilaian tersebut adalah ke atas kebolehan individu tersebut untuk menggunakan pembelajaran yang dicapai melalui pengalamannya dalam mencapai hasil pembelajaran sesuatu kursus.
- 1.2 APEL (C) ialah kaedah penilaian ilmu yang diperoleh daripada pengalaman kerja, pengalaman hidup atau himpunan kursus pendek bagi tujuan mendapatkan pindahan kredit untuk mata pelajaran dalam program akademik di IPT.
- 1.3 APEL yang dilancarkan sebelum ini adalah untuk tujuan kemasukan ke IPT iaitu dikenali sebagai APEL(Access). APEL(Credit) pula adalah untuk tujuan mendapatkan pindahan kredit. Jadi dengan pelaksanaan APEL(A) dan APEL(C), seseorang yang mempunyai pengalaman yang luas bukan sahaja boleh masuk ke program di PPT tetapi juga boleh menggunakan pengalamannya untuk dikecualikan dari mengambil mata pelajaran tertentu. Justeru itu, pelajar dapat melengkapkan pengajiannya dalam tempoh yang lebih singkat.

## 2.0 Dasar Umum

- 2.1 Permohonan APEL (C) adalah berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu (nonformal dan informal) bagi tujuan penganugerahan kredit termasuk MOOCs dan kaedah pembelajaran sendiri yang lain.
- 2.2 Permohonan APEL (C) boleh dimohon oleh:
  - 2.2.1 pelajar tempatan dan juga pelajar antarabangsa
  - 2.2.2 pelajar berdaftar UPSI
  - 2.2.3 pelajar yang layak bagi kemasukan formal/APEL (A)
- 2.3 Permohonan ini melibatkan semua bidang dan tahap kelayakan MQF. Untuk program pasca siswazah, hanya melibatkan kursus dalam program mod kerja kursus dan mod campuran sahaja.

## 3.0 Dasar Penganugerahan Kredit

- 3.1 Program yang ingin menawarkan APEL (C) harus terdiri daripada program yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 3.2 Program yang mendapat pindah kredit adalah tanpa gred.
- 3.3 Jam kredit yang dipindahkan dikira untuk graduasi dan ditandakan sebagai CT (APEL) di transkrip dan disertakan dengan *Malaysian Qualifications Statement* (MQS).
- 3.4 Penganugerahan kredit secara separa dan juga secara blok adalah tidak dibenarkan.
- 3.5 Kursus yang merupakan sebahagian daripada program yang diiktiraf oleh badan profesional boleh diberikan APEL (C) tertakluk kepada penerimaan badan profesional. UPSI adalah bertanggungjawab mendapatkan pengesahan badan profesional.

- 3.6 Kredit yang dianugerah melalui APEL(C) boleh dipindahkan secara automatik ke program lain di UPSI jika mempunyai *learning outcome* yang sama
- 3.7 APEL(C) adalah untuk **semua kursus** kecuali projek atau disertasi. Peratusan maksimum pemindahan kredit adalah seperti berikut:
- 3.7.1 APEL(C) (30%) + formal (30%)\*
  - 3.7.2 tidak melebihi **60%**
- 3.8 Pelajar yang tidak berjaya mendapatkan pemindahan kredit harus ambil kursus tersebut. Penilaian untuk mendapatkan APEL(C) dijalankan **secara berasingan** bagi setiap kursus yang dipohon
- 3.9 Pemindahan kredit maksimum yang dibenarkan ialah:

| MQF LEVEL | LEVEL PROGRAM  | KREDIT UNTUK BERGRADUAT             | APEL(C) (30%)  |
|-----------|--|-------------------------------------|----------------|
| 8         | Doctoral Degree  | 80                                  | 24             |
| 7         | Master's Degree<br>Postgraduate Dip.<br>Postgraduate Cert. | 40<br>30<br>20                      | 12<br>9<br>6   |
| 6         | Bachelor Degree<br>Graduate Diploma<br>Graduate Cert.      | 120<br>60 + 6 (MPU)<br>30 + 6 (MPU) | 36<br>20<br>11 |
| 5         | Advanced Diploma   | 40                                  | 12             |
| 4         | Diploma  | 90                                  | 27             |
| 3         | Certificate  | 60                                  | 18             |

#### 4.0 Proses Pelaksanaan

- 4.1 Pelaksanaan proses penilaian APEL(C) di UPSI berpandukan *Guidelines To Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning For Credit Award APEL (C)* (Dirujuk sebagai GGP).
- 4.2 Pelajar boleh mohon penganugerahan kredit melalui APEL(C) **sebelum mendaftar** kursus berkaitan. Permohonan ini hendaklah dibuat ketika pelajar pada tahun pertama pengajian,
- 4.3 Kadar fi/yuran bagi permohonan APEL (C) adalah **RM300.00** bagi setiap kursus. Tiada fi/yuran dikenakan untuk tujuan rayuan.
- 4.4 Kursus yang dianugerah APEL(C) akan ditanda "CT(APEL)" di transkrip dan disertakan dengan *Malaysian Qualifications Statement (MQS)* serta tidak diambilkira dalam PNG/PNGK. Kredit adalah menyumbang kepada jumlah kredit bergraduat.
- 4.5 Pelajar yang **gagal** dalam penilaian APEL(C) bagi kursus yang dipohon, perlu mengikut kursus bagi aliran biasa.
- 4.6. UPSI akan menyimpan rekod lengkap termasuk instrumen, eviden dan keputusan permohonan
- 4.7 Permohonan APEL (C) melibatkan proses berikut:
  - 4.7.1 Proses pra-permohonan
    - 4.7.1.1 Taklimat
    - 4.7.1.2 Penasihat
    - 4.7.1.3 Mod penilaian
  - 4.7.2 Permohonan
    - 4.7.2.1 Penilaian kendiri
    - 4.7.2.2 Saranan penasihat
    - 4.7.2.3 Permohonan formal

- 4.8 Setiap permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan APEL (C) seperti dalam **Lampiran A**. Prosedur permohonan bagi pelajar boleh dirujuk di *Figure 1, GGP*.

## 5.0 Penilaian Instrumen APEL (C)

- 5.1 Penilaian permohonan APEL (C) melibatkan dua instrumen berikut:
- 5.1 *Challenge Test*
  - 5.2 *Portfolio*
- 5.2 Pelajar mesti mencapai sekurang-kurangnya 50% untuk setiap *Course Learning Outcome* (CLO).
- 5.3 Jenis instrumen yang akan digunakan untuk setiap permohonan adalah bergantung kepada jenis kursus. Fakulti perlu membuat keputusan sama ada calon akan dinilai dengan pelbagai instrumen atau sebaliknya.
- 5.4 Instrumen APEL(C) memerlukan mapping kepada CLO kursus. Untuk tujuan ini Mesyuarat Pengurusan Jawatankuasa Penilai akan menentukan *subject matter expert* atau pakar bidang (Penilai Instrumen) yang dilantik fakulti untuk membina dan menyemak instrumen seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Penilaian Instrumen dan disahkan dalam Mesyuarat Pengesahan Instrumen. Keahlian untuk mesyuarat adalah seperti berikut:

### 5.4.1 Mesyuarat Pengurusan Jawatankuasa Penilai

- |         |            |   |
|---------|------------|---|
| 5.4.1.1 | Pengerusi: | Timbalan Dekan<br>(Akademik dan Antarabangsa) |
|         | Ahli-Ahli: | Ketua Jabatan<br>Ketua Program                |

#### 5.4.2 Mesyuarat Penilaian Instrumen dan Mesyuarat Pengesahan Instrumen

- 5.4.2.1 Pengerusi: Pakar yang dilantik fakulti  
Ahli-Ahli: Dua orang pakar yang dilantik fakulti

5.5 Penasihat perlu mengenal pasti dan mencadangkan kod kursus yang perlu dibina instrumen. Ini termasuk mengenalpasti kod kursus yang boleh dinilai dengan *Challenge Test & Portfolio*. Fakulti akan melantik penasihat dalam kalangan kakitangan akademik,. Penasihat yang dilantik tidak boleh bertindak sebagai Penilai bagi calon yang sama. Pelantikan Penasihat hendaklah mempunyai kriteria berikut:

5.5.1 Mempunyai kelayakan akademik yang berkaitan sekurang-kurangnya pada satu tahap yang lebih tinggi daripada kursus di mana program ini ditawarkan.

5.5.2 Menonjolkan sikap reseptif terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan kaedah alternatif lain daripada mod penilaian tradisi dan formal.

5.5.3 Mahir dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

5.5.4 Kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik.

5.6 Pakar subjek/bidang (Penilai Instrumen) memilih format soalan daripada buku GGP (rujuk *Appendix B*, GGP) dan akan menetapkan jenis soalan untuk dimuatkan di dalam instrumen *Challenge Test*. Penyediaan instrumen berpandukan CLO kursus yang dipilih.

##### 5.6.1 Kriteria Penilai Instrumen

Kriteria bagi pakar Penilai Instrumen adalah berdasarkan bidang kepakaran seorang pensyarah yang dilantik oleh fakulti. Penilai Instrumen hendaklah mempunyai kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada kursus di mana program ini ditawarkan.

### 5.6.2 Kriteria Penilai Permohonan APEL (C) dan Moderator

5.6.2.1 Untuk Sesi Penilaian dan Penggredan, fakulti hendaklah melantik Penilai Permohonan APEL (C) yang mempunyai kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada kursus di mana program ini ditawarkan.

5.6.2.2 Fakulti juga perlu melantik seorang moderator untuk memberikan panduan terhadap kaedah menilai serta model penilaian dan amalan pelaksanaan APEL (C) yang berkesan apabila sesi penilaian permohonan dijalankan. Moderator hendaklah seorang pakar subjek/bidang dan mempunyai kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada kursus di mana program ini ditawarkan.

5.7 Jenis penilaian yang boleh digunakan termasuklah perkara-perkara berikut:

#### 5.7.1 Ujian bertulis

- 5.7.1.1 Jawapan pelbagai pilihan
- 5.7.1.2 Jawapan betul atau salah
- 5.7.1.3 Mengisi tempat kosong
- 5.7.1.4 Jawapan ringkas
- 5.7.1.5 Esei
- 5.7.1.6 Penyelesaian masalah berdasarkan situasi

#### 5.7.2 Ujian Oral

- 5.7.2.1 *One-to-one interview*
- 5.7.2.2 *Panel interview*

#### 5.7.3 Penilaian persembahan

- 5.7.3.1 Pembentangan
- 5.7.3.2 Demonstrasi skil
- 5.7.3.3 *Role play*
- 5.7.3.4 Pemerhatian

5.7.3.5 Simulasi

**5.7.4 Penilaian produk**

5.7.4.1 Sampel dari tempat kerja

5.7.4.2 *Portfolio* atau eviden berkaitan

**5.8 Challenge Test**

5.8.1 *Challenge Test* bertujuan menilai sama ada pelajar dapat menunjukkan kemampuan berdasarkan CLO kursus yang dipohon.

5.8.2 Ia boleh dibuat melalui Ujian secara formal (berserta *Test Specification Table (TST)*) sama ada bertulis atau oral

5.8.3 Ia juga boleh dibuat melalui persembahan atau demonstrasi skil yang boleh digabung dengan ujian yang pelbagai. Penilaian menggunakan rubrik dan borang penilaian yang formal dan memerlukan penggubal soalan atau instrumen.

5.8.3 Format soalan *challenge test* (*Appendix B, GGP*) iaitu:

5.8.3.1 MCQ

5.8.3.2 True False

5.8.3.3 Matching

5.8.3.4 Fill in the blanks

5.8.3.5 Esei pendek

5.8.3.6 Esei panjang

5.8.3.7 Ujian oral

5.8.3.8 Penilaian demonstrasi skil

5.8.3.9 Role play

5.8.3.10 Pemerhatian

5.8.3.11 Penilaian produk

**5.9 Portfolio**

5.9.1 *Porfolio* adalah dokumentasi pelajar berkaitan pembelajaran mengikut pengalaman bekerja yang termasuk senarai pengalaman dan jenis-jenis kerja.

5.9.2 Ia merupakan kompilasi eviden yang ada disertakan bagi setiap aktiviti/pengalaman yang disenaraikan. Ini termasuk bukti secara *hard copy*, bahan daripada media seperti CD/Video/YouTube, gambar keratan akhbar dan juga penerbitan

- 5.9.3 Penilai *portfolio* akan dilantik oleh fakulti untuk mengkaji tahap pengalaman berdasarkan bukti yang diberi.
- 5.9.4 Penilai *Portfolio* adalah *subject matter expert* yang mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai keperluan kursus yang dipohon pindahan kredit.
- 5.9.5 Penilai ini akan menilai dan mempertimbangkan eviden dengan *learning outcomes* kursus yang dipohon. Penilai juga akan berhubung dengan Penasihat pelajar yang telah dilantik sekiranya terdapat isu atau masalah dengan eviden. Penilai juga bersifat terbuka terhadap penilaian pembelajaran melalui pengalaman dan perlu membuat laporan penilaian secara bertulis. Penilai akan menggunakan borang *APC Portfolio Submission*, borang *Self-Assessment For Learners* dan *Sample of Assessment Rubric*.

## 6.0 Prosedur Permohonan APEL (C) untuk Pelajar

### 6.1 Prosedur Asas

Prosedur asas untuk permohonan pelajar adalah seperti dalam *Figure 1, GGP*.

### 6.2 Pra-Permohonan

- 6.2.1 Sebelum pelajar membuat keputusan untuk mengemukakan permohonan APEL (C), pelajar perlu tahu dan memahami setiap peringkat permohonan dan perlu mendapat gambaran sebenar dan jangkaan realistik hasil yang mungkin kepada permohonan. Calon juga perlu diberi pendedahan berkenaan APEL(C) oleh Ketua Program di fakulti.
- 6.2.2 Sekiranya pelajar membuat keputusan untuk meneruskan permohonan APEL (C), pihak fakulti akan melantik Penasihat untuk membimbing calon melalui proses permohonan. Panduan bagi

Pelantikan Penasihat seperti *Appendix G*, GGP. Pelajar diberi pilihan untuk memilih *Challenge Test* atau menghantar *Portfolio*.

### **6.3 Permohonan**

- 6.3.1 Ketika mengemukakan permohonan, pelajar perlu membuat penilaian kendiri berdasarkan kod kursus yang dicadangkan oleh penasihat. Pelajar perlu mengisi Borang Penilaian Kendiri dan menyerahkan permohonan untuk pindahan kredit berserta laporan 500-perkataan berdasarkan tajuk yang diberi oleh fakulti (*Appendix H: GGP*).
- 6.3.2 Penasihat perlu membuat keputusan sama ada calon layak untuk memohon APEL(C). Sekiranya layak, Penasihat perlu meminta pelajar pelajar mengisi Borang Permohonan APEL(C) dan membayar fi untuk proses permohonan APEL(C).
- 6.3.3 Penyediaan instrumen sama ada *Challenge test* atau *Portfolio* perlu dibentangkan di Mesyuarat Penilaian Instrumen dan disahkan di Mesyuarat Pengesahan Instrumen. Pelantikan Panel Penilai instrumen perlu dibuat oleh fakulti. Sesi Penilaian Permohonan APEL (C) pelajar dibuat oleh Penilai bersama Moderator dan Pegawai Pentadbir untuk menentukan penilaian dan penggredan. Kesemua proses ini perlu dibuat dalam tempoh 2 bulan.

### **7.0 Penilaian dan Keputusan**

- 7.1 Untuk memenuhi syarat pindah kredit, pelajar mesti mencapai sekurang-kurangnya 50% untuk setiap CLO. Proses moderasi yang dijalankan seperti dalam Lampiran B.
- 7.2 Semua keputusan penilaian hendaklah diperakukan oleh Jawatankuasa Pengiktirafan UPSI dan Senat UPSI. Keputusan adalah tertakluk kepada Dasar Penganugerahan Kredit seperti di perkara 3.0.

- 7.3 Sekiranya pelajar gagal dalam *Challenge Test* bagi kursus tertentu, pelajar adalah tidak dibenarkan untuk menghantar *Portfolio* untuk penilaian bagi kursus yang sama dan sebaliknya. Dalam perkara ini, pelajar perlu mendaftar dan mengikut kursus mengikut prosedur biasa.

## 8.0 Rayuan

- 8.1 Pelajar boleh mengemukakan rayuan di atas keputusan permohonan APEL (C) dengan kadar fi/yuran yang ditetapkan pada perkara 4.3. Dalam proses rayuan, tiada sebarang bukti baru yang boleh dihantar untuk pertimbangan lanjut. Pelajar yang gagal dalam rayuan perlu mengambil kursus yang dipohon seperti dalam perkara 3.8 dan 4.3.
- 8.2 UPSI akan melantik penilai lain untuk menilai merit permohonan rayuan dalam tempoh 2 bulan. Keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada pelajar selepas menerima laporan rayuan daripada penilai. Keputusan adalah muktamad. Penilai Rayuan adalah pakar subjek/bidang berdasarkan bidang kepakaran seorang pensyarah yang dilantik oleh fakulti. Penilai Rayuan hendaklah mempunyai kelayakan akademik pada tahap yang lebih tinggi daripada kursus di mana program ini ditawarkan.

## 9.0 Jaminan Kualiti

- 9.1 Urusan jaminan kualiti bagi permohonan APEL (C) diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ) UPSI.
- 9.2 BPQ akan membuat semakan permohonan sebelum dikemukakan ke Jawatankuasa Pengiktirafan UPSI dan Senat. Proses semakan ini perlu dibuat dalam tempoh 1 bulan berdasarkan kerangka jaminan kualiti dan standard sedia seperti berikut:

- 9.2.1 GGP
- 9.2.2 Proses Pengajaran dan Pembelajaran, MS ISO 9001:2015 UPSI
- 9.2.3 Standard kualiti dalam semua bidang penilaian seperti yang dinyatakan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA).
- 9.2.4 Dokumen-dokumen lain seperti peruntukan penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif, penekanan pada *outcome based education* untuk memastikan graduan adalah kompeten dan memenuhi keperluan industri.

## 10.0 Pemantauan dan Semakan Semula Pelaksanaan APEL (C) UPSI

- 10.1 Urusan pemantauan dan semakan semula bagi pelaksanaan APEL (C) dilapor oleh BPQ ke Jawatankuasa Perancangan Akademik Universiti dan Senat melalui Sesi Audit Pelaksanaan APEL (C).

**LAMPIRAN A****APPENDIX I: APEL(C) APPLICATION FORM FOR LEARNERS**

|                                 |   |
|---------------------------------|---|
| Name                            |   |
| Identity Card No.               |   |
| Name of Programme               |   |
| Course Code & Course Title      |   |
| No. of Credits of the Course    |   |
| Mode of Assessment Chosen       | Challenge Test  |
|                                 | Portfolio Submission  |
| Confirmation of APEL(C) Advisor | <p>I hereby confirm that the above learner has been advised and is deemed eligible for the APEL(C) assessment.</p> <hr/> <p>(signature)</p> <p>Name of Advisor:</p> <p>Date :</p> |

I hereby:

- a. declare that I have read and understood all the terms and conditions stipulated under the provision of APEL(C) of my institution; and
- b. declare that all the information/documents provided to support this application are authentic, true and accurate.

I fully understand that the HEP reserves the right to reject my application if proven otherwise.

I also agree to the mode of assessment recommended by the APEL(C) Advisor.

Signature :


Name : \_\_\_\_\_

Date : \_\_\_\_\_

### **Panduan bagi Tempoh Masa Permohonan**

| Bulan                   | Perkara   |
|-------------------------|---|
| Tahun Pertama Pengajian | Permohonan Pelajar  |
| 2 bulan                 | Urusan Penasihat Pelajar<br>Urusan Panel Penilai<br>Urusan Pengesahan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Instrumen, Jawatankuasa Penilaian Instrumen dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Instrumen Fakulti dan Sesi Penilaian Permohonan APEL (C) Pelajar.<br>Rayuan pelajar (jika ada) bagi permohonan yang tidak berjaya melibatkan tempoh 2 bulan dengan lantikan penilai lain. |
| 1 bulan                 | Semakan Jaminan Kualiti oleh PPA-BPQ  |
| 1 bulan                 | Urusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik Universiti- Pengiktirafan UPSI dan Senat   |
|                         | Pelajar dimaklumkan keputusan permohonan  |

### Carta Alir Permohonan Pelajar



## **PERINGKAT SATU: Borang Penilaian Kendiri Pelajar**

1. Pelajar perlu melengkapkan Borang Penilaian Kendiri
2. Pelajar perlu melengkapkan butiran peribadi di Bahagian A.
3. Bagi Bahagian B, pelajar akan berbincang dengan Penasihat yang dilantik oleh Fakulti.
4. Pernyataan Diri dalam Bahagian C memerlukan pelajar menulis dalam 500 kata (dengan kata-kata sendiri) bagaimana pelajar berpengetahuan dan kemahiran bertindih yang digambarkan dalam hasil pembelajaran kursus yang disenaraikan (dinyatakan dalam Bahagian B).

Pelajar perlu menyatakan di mana pengalaman diperoleh sebelumnya, tahap pencapaian (jika berkenaan) dan pengetahuan dan keupayaan untuk melaksanakan tugas itu.

Ini akan membolehkan pemahaman yang jelas tentang pembelajaran terdahulu pelajar.

## **PERINGKAT DUA: Borang Permohonan APEL (C)**

1. Setelah mengemukakan borang penilaian diri, fakulti akan melantik seorang penasihat untuk melihatnya permohonan pelajar dan mengenal pasti jika maklumat lanjut diperlukan daripada pelajar.
2. Penasihat pelajar akan membantu pelajar dalam mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran pengalaman, serta menyediakan pelajar dengan jelas garis panduan mengenai aplikasi APEL (C) dan prosedur penilaian.
3. Peranan penasihat APEL (C) pelajar adalah untuk membimbing pelajar sepanjang proses permohonan. Penasihat akan menasihati pelajar tentang kelayakan untuk memohon APEL (C) berdasarkan penilaian diri, borang dan pernyataan peribadi yang diserahkan semasa Peringkat Satu.
4. Jika penasihat pelajar percaya bahawa permohonan pelajar tidak berjaya, pelajar akan dinasihatkan dengan sewajarnya dan proses permohonan akan dihentikan.
5. Walau bagaimanapun, jika penasihat pelajar percaya bahawa permohonan pelajar mungkin berjaya, pelajar dapat menyelesaiannya borang permohonan dan hantarkan yuran yang berkaitan, sebelum meneruskan ke Peringkat Tiga (Penilaian).
6. Cadangan penasihat pelajar untuk memohon APEL (C) tidak menjamin kejayaan permohonan pelajar. Proses penilaian APEL (C) secara eksklusif dijalankan oleh fakulti masing-masing dan melibatkan pasukan *subject matter expert* yang akan menilai

### **PERINGKAT TIGA: Penilaian**

1. Sebaik sahaja pelajar telah mengemukakan borang permohonan dan membayar yuran yang berkaitan, fakulti masing-masing akan meneliti permohonan untuk proses penilaian.
2. Fakulti juga akan melihat mod penilaian yang disyorkan oleh penasihat pelajar; sama ada *Challenge Test* dan / atau Portfolio.
3. Penilaian *Challenge Test* dan Portfolio dibuat oleh pasukan penilai, yang merupakan *subject matter expert*, menggunakan rubrik yang disyorkan yang dibangunkan oleh Kelayakan Malaysia Agensi (MQA).
4. Pelajar perlu mencapai sekurang-kurangnya 50% daripada setiap hasil pembelajaran kursus (CLO) di untuk memenuhi kehendak pemberian kredit.

### **PERINGKAT EMPAT: Keputusan**

1. Kesemua keputusan penilaian, yang disahkan oleh Fakulti masing-masing, akan dihantar kepada Unit APEL C untuk proses akhir kelulusan di peringkat seterusnya.
2. Sekiranya pelajar lulus penilaian, kredit kursus akan diberikan dan dimasukkan dalam transkrip sebagai CT (APEL). Gred pelajar yang diperoleh dalam penilaian APEL C TIDAK akan digunakan dalam pengiraan GPA/CGPA. Bagaimanapun, kredit kursus yang terkumpul akan menyumbang ke arah jumlah kredit untuk tamat pengajian.
4. Sekiranya gagal dalam *Challenge Test* kursus tertentu, pelajar TIDAK dibenarkan untuk menghantar Portfolio untuk penilaian untuk kursus yang sama dan sebaliknya.
5. Percubaan semula untuk *Challenge Test* dan penyerahan bukti baru dalam Portfolio untuk kursus yang sama melalui APEL (C) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Dalam kes ini, pelajar perlu mendaftar dan menyelesaikan kursus melalui proses biasa.

### **RAYUAN**

1. Pelajar boleh membuat rayuan terhadap keputusan penilaian APEL (C).
2. Pelajar TIDAK akan menjalani set penilaian yang berbeza. Walau bagaimanapun, fakulti masing-masing akan melantik penilai berbeza untuk menilai merit rayuan pelajar.

**LAMPIRAN B - Proses Moderasi**